

Newspaper	Sinar Harian
Date	23/10/2012

Kayuh basikal pusing Langkawi

Sinar Harian / 23/10/12

ONN PA

KUAH- Yayasan Sime Darby (YSD) menyerahkan 45 basikal bukit kepada anggota polis dan sekolah terpilih di Langkawi, semalam sebagai sebahagian daripada program komuniti (CSR) sempena Cabaran Basikal Bukit Antarabangsa Langkawi (LIMBC) kali

ketiga, baru-baru ini.

Penyerahan dilakukan kepada Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr Mohd Puad Zarkashi dan Ketua Polis Kedah, Datuk Ahmad Ibrahim oleh penganjur LIMBC, Datuk Malik Mydin bagi pihak YSD dalam majlis penyerahan di Dataran Lang Langkawi.

Turut hadir menyaksikan penyampaian basikal itu adalah bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali serta Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada), Tan Sri Khalid Ramli.

Datuk Dr Mohd Puad mengucapkan terima kasih kepada YSD yang sejajar dengan polisi Kementerian Pendidikan, 1Murid 1Sukan. Tiga puluh basikal, yang setiap satu berharga RM6,000 akan diedar kepada enam sekolah, SMK Tun Putra, SMK Ayer Hangat, SMK Mahsuri, SMK Kedawang, SMK Kelibang dan SMK Pulau Tuba.

"Berbasikal adalah satu cara terbaik untuk bersenam. Ketika kami cuba meningkatkan aktiviti kokurikulum sekolah, berbasikal akan membantu kami melaksanakan polisi bagi membabitkan program satu murid untuk satu sukan, terima kasih kepada YSD dan penganjur LIMBC atas sumbangan ini," katanya.

Sementara itu, Ahmad berkata, basikal itu akan digunakan sepenuhnya anggota polis untuk memantau beberapa kawasan tertentu di Langkawi sebagai sebahagian daripada inisiatif mencegah jenayah.

"Kami akan menggunakan 15 unit basikal untuk memperkukuhkan unit kawalan berbasikal, terutama polis pe-



Dari kiri: Malik, Mahathir, Khalid, Fuad bergambar bersama pelajar ketika majlis penyerahan basikal daripada YSD.

lancongan di sekitar Pantai Cenang dan Bandar Kuah," katanya.

"Meronda menggunakan basikal sudah menjadi tradisi di negara ini sejak dahulu dan ia bakal menggalakkan perkhidmatan masyarakat kepada yang lebih baik selain turut membantu mengekalkan kesihatan anggota polis," katanya.

Pada sidang media sebelum majlis penyerahan berlangsung, Dr Mahathir berkata, aktiviti berbasikal patut digalakkan dalam kalangan pelajar se-

jak usia muda kerana ia baik untuk kesihatan dan dapat mencegah obesiti kalangan pelajar sekolah.

"Saya ingin melihat semua negeri di Malaysia mempunyai jambori untuk dua kategori, satu untuk basikal bukit mahal dan satu lagi, untuk basikal biasa atau basikal kos murah," kata.

Bekas Perdana Menteri itu juga menaruh harapan program Jambori LIMBC dapat diperluas ke negeri-negeri lain.